

# WPI pembangunan terbesar negara

um- 8/4/2007

Oleh ROHANI IBRAHIM

**W**ILAYAH Pembangunan Iskandar (WPI) yang dilancarkan oleh Sultan Johor Sultan Iskandar Sultan Ismail pada 4 November 2006 menjadi projek pembangunan terbesar dalam sejarah negara dan merubah kawasan selatan negeri Johor menjadi sebuah kawasan metropolis.

Pembangunan kawasan seluas 2 1/2 kali ganda Singapura atau 2,217 kilometer persegi itu akan dilaksanakan secara berperingkat sehingga tahun 2025 dengan kos melebihi RM47 bilion.

Pembangunan itu merangkumi lokasi segi tiga melibatkan mukim Serkat di daerah Pontian di sebelah barat, kawasan Kulai di utara daerah Johor Bahru dan Tanjung Langsat di sebelah timur.

Pembangunan WPI dijangka mampu menarik pelaburan awal bernilai RM10 bilion.

Antara pembangunan yang terlibat dalam WPI ialah elektrik dan elektronik, petrokimia pemprosesan makanan dan pertanian, perkhidmatan logistik serta pelancongan.

Turut terlibat dalam pembangunan berkenaan ialah sektor perubatan dan kesihatan, pendidikan, kewangan serta industri kreatif.

WPI memiliki kelebihan dari segi logistik kerana lokasinya yang begitu hampir dengan Singapura dan Indonesia serta berdekatan dua pelabuhan iaitu Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP) serta Pelabuhan Pasir Gudang.

Seiring dengan pembangunan WPI, bandar raya Johor Bahru akan melalui beberapa peringkat perubahan bagi memastikan ia tidak lagi mempunyai imej 'halaman belakang Singapura' oleh sesetengah pihak.

Antara pembangunan yang akan membantu menaikkan imej bandar raya Johor Bahru sebagai sebuah destinasi dunia ialah pembangunan pesisir pantai Danga Bay yang menghadap Selat Tebrau.

Danga Bay mampu menjadikan Johor Bahru sebuah destinasi pesisir pantai bersepadu terkemuka di dunia menyamai pembangunan di Australia, Amerika Syarikat dan Eropah.

Ya diilhamkan dari pusat hiburan pesisir pantai yang terkemuka di Australia termasuk Darling Harbour, Sydney; Gold Coast dekat Brisbane; Toronto Waterfront dan pelabuhan Melbourne.

## Lokasi

Selain Danga Bay, pembinaan Pusat Konvensyen Antarabangsa Persada Johor yang menjadi mercu tanda terbaru bandar raya Johor Bahru juga menawarkan lokasi persidangan dan pameran bertaraf antarabangsa di luar Lembah Klang.

Nadi pembangunan WPI ialah kawasan pembangunan hartanah bersepadu Nusajaya yang dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada 22 Februari lalu.

Projek seluas 9,600 hektar itu melibatkan tujuh komponen utama iaitu Pusat Pentadbiran Baru Negeri Johor (JSNAC), kelompok industri dan logistik selatan, hab perubatan dan 'EduCity' atau bandar raya ilmu.

Pembangunan lain dalam projek Nusajaya ialah resort bersepadu pesisir pantai Puteri Harbour, kawasan kediaman dan destinasi rekreasi bertaraf dunia.

Fasa pertama JSNAC yang terdiri daripada Dewan Undangan Negeri, kompleks pejabat Menteri Besar, Dataran Mahkota dan dua 'kluster' kompleks pejabat kerajaan negeri dijangka beroperasi November ini.

Sementara fasa kedua JSNAC terdiri daripada masjid dan rumah pegawai kerajaan kini dalam peringkat terakhir pembinaan reka bentuk dan dijangka siap pada 2009.

Fasa ketiga JSNAC iaitu bangunan agensi Kerajaan Persekutuan yang pada masa ini beroperasi di Wisma Persekutuan, Jalan Ayer Molek pula dijangka siap 2009.

JSNAC meliputi kawasan seluas 128 hektar dan dilengkapi kawasan hijau serta taman-taman yang berlandskap menarik dengan pentadbiran negeri dan agensi Persekutuan serba moden ditempatkan dalam satu kawasan.

Sementara EduCity atau bandar raya ilmu pula akan menempatkan sekolah antarabangsa dan salah sebuah dari 20 institusi pengajian tinggi terkemuka di Amerika Syarikat (AS) iaitu Carnegie-Mellon.

Kampus Carnegie-Mellon di Nusajaya akan menjadi kampus pertama universiti berkenaan di Asia Tenggara.

Beberapa universiti terkemuka di India, Jepun, Kanada dan Australia akan turut mengendalikan program berkembar di bandar Nusajaya menjelang 2009.

Hab perubatan Nusajaya pula dijangka menjadi pusat rawatan dan perkhidmatan serta pembangunan dan penyelidikan kesihatan di Asia.

Hab perubatan itu akan menjadi platform untuk menjadikan Malaysia salah satu destinasi pelancongan

kesihatan utama dunia.

Resort bersepadu Puteri Harbour yang merupakan salah satu daripada tujuh komponen dalam pembangunan Nusajaya mempunyai kelainan dan keunikan tersendiri berbanding resort bersepadu di negara lain.

Puteri Harbour akan dilengkapi kediaman terusan dan kediaman yang dibina di pinggir hutan paya bakau.

Resort Puteri Harbour juga akan dilengkapi Pusat Kastam, Imigresen dan Kuarantinnya bagi membolehkan pengunjung tiba ke Nusajaya dengan kapal atau bot sendiri.

Dengan kesemua pembangunan bersepadu dan kemudahan bertaraf dunia dirancang, WPI tidak hanya menjadi kebanggaan negeri Johor dan negara bahkan meningkatkan imej rantau Asia Tenggara.

Julukan Permata Asia bagi WPI adalah paling bertepatan berdasarkan keluasan, kemudahan dan pertumbuhannya.

SULTAN Iskandar Sultan Ismail bersama Abdullah Ahmad Badawi melihat model pembangunan salah satu projek Wilayah Pembangunan Iskandar pada 4 November 2006.

